

**HUBUNGAN ANTARA TEKANAN KERJA DENGAN *SELF-ESTEEM* DI
KALANGAN PEKERJA YANG SUDAH BERKAHWIN DI ORGANISASI
KERAJAAN: SATU KAJIAN DI RTM, KUCHING SARAWAK**

RAFIDAH BINTI SUHAILI

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian
Kaunseling

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2008

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

Gred:

JUDUL : _____

SESI PENGAJIAN : _____

Saya _____
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. ** sila tandakan (✓)

SULIT (mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

Tarikh : _____

Tarikh: _____

Catatan: * Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai TERHAD.

Projek bertajuk ‘Hubungan Tekanan Kerja Dengan *Self-Esteem* Di Kalangan Pekerja Yang Sudah Berkahwin Di Organisasi Kerajaan: Satu Kajian Di RTM, Kuching Sarawak’ telah disediakan oleh Rafidah binti Suhaili dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian.

Diterima untuk diperiksa oleh:

Puan Fatahyah Binti
Yahya

Tarikh:

Gred

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim...

Alhamdulillah, bersyukur saya kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya kajian ini telah berjaya disiapkan sepenuhnya. Dengan kehendak dan kuasa Allah s.w.t segala kesukaran dan kesulitan yang dialami sepanjang menjalankan kajian ini telah dipermudahkan oleh-Nya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Puan Fatahyah Yahya yang selama ini tidak pernah jemu untuk memberikan tunjuk ajar serta nasihat yang berharga di sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pensyarah dan tutor di Jabatan Kaunseling yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam projek tahun akhir ini.

Sekalung penghargaan juga diberikan kepada pihak RTM Kuching Sarawak kerana membenarkan saya untuk menjalankan kajian di organisasi mereka. Segala kerjasama dan komitmen yang diberikan telah membantu memudahkan lagi proses pengumpulan data dijalankan.

Kepada keluarga yang tersayang terutamanya ibu dan ayah yang dicintai, terima kasih di atas sokongan dan dorongan yang diberikan serta bantuan dari segi kewangan bagi menyiapkan projek ini. Tidak lupa juga kepada abang, kakak-kakak, dan adik-adik yang disayangi kerana telah memberikan banyak sokongan. Kasih sayang anda semua curahkan tidak akan saya lupakan.

Akhir sekali, kepada teman-teman serta rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan semangat kepada saya untuk meneruskan perjuangan dalam menjalankan kajian ini. Sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat. Jasa kalian semua akan dikenang sehingga ke akhir hayat.

Sekian, terima kasih.

JADUAL KANDUNGAN

Penghargaan	iv
Jadual Kandungan	v
Senarai Rajah	viii
Senarai Jadual	ix
Abstrak	xi
<i>Abstract</i>	xii

BAB 1: PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.2	Pernyataan Masalah	4
1.3	Objektif Kajian	5
	1.3.1 Objektif umum	6
	1.3.2 Objektif khusus	6
1.4	Hipotesis Kajian	7
1.5	Kerangka Konseptual	8
1.6	Definisi Istilah	9
	1.6.1 <i>Self-esteem</i>	9
	1.6.2 Tekanan kerja	9
	1.6.3 Tanggungjawab	10
	1.6.4 Bebanan kerja	10
1.7	Kepentingan Kajian	11
1.8	Limitasi Kajian	12
1.9	Kesimpulan	13

BAB 2: SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0	Pendahuluan	14
2.1	Rumusan Kajian Lepas	15
	2.1.1 Kajian mengenai tekanan	15
	2.1.2 Kajian mengenai tekanan kerja	16
	2.1.3 Kajian mengenai <i>self-esteem</i>	18
	2.1.4 Kajian mengenai tekanan dan <i>self-esteem</i>	19
	2.1.5 Kajian mengenai tekanan kerja dan <i>self-esteem</i>	20
	2.1.6 Kajian mengenai tanggungjawab dan <i>self-esteem</i>	21
	2.1.7 Kajian mengenai bebanan kerja dan <i>self-esteem</i>	22
	2.1.8 Kajian mengenai jantung dan <i>self-esteem</i>	22
	2.1.9 Kajian mengenai umur dan <i>self-esteem</i>	24

2.1.10	Kajian mengenai tahap pendidikan dan <i>self-esteem</i>	25
2.2	Pendekatan Teori	27
2.2.1	Teori Lazarus	27
2.2.2	Teori Psikodinamik	27
2.2.3	Teori <i>Behaviorisme</i>	28
2.2.4	Teori Terapi Rasional Emotif Ellis (RET)	28
2.2.5	Teori Maslow	30
2.3	Rumusan Keseluruhan Teori	32
2.4	Kesimpulan	33

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pendahuluan	34
3.1	Lokasi Kajian	35
3.2	Rekabentuk kajian	35
3.2.1	Persampelan	35
3.3	Kaedah pengumpulan Data	36
3.4	Instrumen Kajian	36
3.4.1	Bahagian A: Faktor Demografi	37
3.4.2	Bahagian B: Tekanan Kerja	37
3.4.3	Bahagian C: <i>Self Esteem</i>	38
3.5	Kebolehpercayaan Instrumen	39
3.5.1	<i>Occupational Stress Inventory Revised Edition (OSI-R)</i>	39
3.5.2	<i>Rosenberg Self Esteem Scale (RSE)</i>	39
3.6	Penganalisan Data	40
3.7	Rumusan Penganalisan Data	40
3.8	Kesimpulan	43

BAB 4: DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.0	Pendahuluan	44
4.1	Taburan Demografi Responden	45
4.1.1	Jantina	46
4.1.2	Umur	47
4.1.3	Kaum/Etnik	48
4.1.4	Tahap pendidikan	49
4.1.5	Jumlah pendapatan	50
4.1.6	Tempoh perkahwinan	51
4.2	Taburan Tahap <i>Self-esteem</i>	52
4.3	Hasil Pengujian Hipotesis	53
4.3.1	Hubungan antara tekanan kerja dengan <i>self-esteem</i>	53
4.3.2	Hubungan antara faktor demografi terpilih berdasarkan faktor jantina dengan <i>self-esteem</i>	55
4.3.3	Hubungan antara faktor demografi terpilih	57

	berdasarkan faktor umur dengan <i>self-esteem</i>	
4.3.4	Hubungan antara faktor demografi terpilih berdasarkan faktor tahap pendidikan dengan <i>self-esteem</i>	59
4.3.5	Hubungan antara tekanan kerja berdasarkan faktor tanggungjawab dengan <i>self-esteem</i>	61
4.3.6	Hubungan antara tekanan kerja berdasarkan faktor bebanan kerja dengan <i>self-esteem</i>	62
4.4	Rumusan Keputusan Dapatan Kajian	65
4.5	Kesimpulan	67

BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0	Pendahuluan	68
5.1	Rumusan Kajian	69
5.2	Rumusan Tentang Objektif dan Hasil Hipotesis	70
5.3	Implikasi Kajian	72
	5.3.1 Organisasi	72
	5.3.2 Pengamal bidang kaunseling (kaunselor).	73
5.4	Masalah Kajian	74
5.5	Cadangan	75
	5.5.1 Organisasi	75
	5.5.2 Pengkaji akan datang	76
5.5	Kesimpulan	77

BIBLIOGRAFI	78
--------------------	----

LAMPIRAN

SENARAI RAJAH

Rajah 1

Kerangka Konseptual Kajian 8

Rajah 2

Model Teori Rasional Emotif Ellis 29

Rajah 3

Hierarki Keperluan Maslow 30

SENARAI JADUAL

Jadual 1

Skala *Likert* lima mata 38

Jadual 2

Skala *Likert* empat mata 38

Jadual 3

Rumusan Penganalisaan Data 41

Jadual 4

Interpretasi Umum Nilai Pekali Korelasi 42

Jadual 5

Taburan demografi responden 45

Jadual 6

Taburan responden mengikut jantina 46

Jadual 7

Taburan responden mengikut peringkat umur 47

Jadual 8

Taburan responden mengikut kaum/etnik 48

Jadual 9

Taburan responden mengikut tahap pendidikan 49

Jadual 10

Taburan responden mengikut jumlah pendapatan 50

Jadual 11	
Taburan responden mengikut tempoh perkahwinan	51
Jadual 12	
Taburan responden mengikut tahap <i>self-esteem</i> .	52
Jadual 13	
Keputusan ujian Korelasi Spearman bagi mengenalpasti hubungan antara tekanan kerja dengan <i>self-esteem</i>	53
Jadual 14	
Keputusan ujian Korelasi Pearson bagi mengenalpasti hubungan antara faktor demografi jantina dengan <i>self-esteem</i>	55
Jadual 15	
Keputusan ujian Korelasi Pearson bagi mengenalpasti hubungan antara faktor demografi umur dengan <i>self-esteem</i>	58
Jadual 16	
Keputusan ujian Korelasi Pearson bagi mengenalpasti hubungan antara faktor demografi tahap pendidikan dengan <i>self-esteem</i>	60
Jadual 17	
Keputusan ujian Korelasi Spearman bagi mengenalpasti hubungan antara tekanan kerja berdasarkan faktor tanggungjawab dengan <i>self-esteem</i>	61
Jadual 18	
Keputusan ujian Korelasi Spearman bagi mengenalpasti hubungan antara tekanan kerja berdasarkan faktor bebanan kerja dengan <i>self-esteem</i>	63
Jadual 19	
Ringkasan dapatan kajian	65

ABSTRAK

HUBUNGAN ANTARA TEKANAN KERJA DENGAN *SELF-ESTEEM* DI KALANGAN PEKERJA YANG SUDAH BERKAHWIN DI ORGANISASI KERAJAAN: SATU KAJIAN DI RTM, KUCHING SARAWAK

Rafidah binti Suhaili

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan antara tekanan kerja dengan *self-esteem* di kalangan pekerja yang sudah berkahwin di RTM, Kuching Sarawak. Kajian ini juga melihat perhubungan antara faktor tekanan kerja iaitu tanggungjawab dan bebanan kerja serta perhubungan faktor demografi terpilih seperti jantina, umur dan tahap pendidikan dengan *self-esteem*. Kajian ini melibatkan seramai 54 orang responden yang sudah berkahwin. Terdapat dua instrumen yang telah digunakan dalam kajian ini iaitu Occupational Stress Inventory Revised Edition (OSI-R) untuk mengukur tekanan kerja dan Rosenberg Self-Esteem Scale (RSE) untuk mengukur *self-esteem*. Kaedah penganalisan data yang digunakan adalah kaedah taburan deskriptif untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan bagi faktor demografi manakala korelasi Pearson dan korelasi Spearman digunakan untuk mengkaji hipotesis yang telah dibentuk. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor demografi jantina, umur, tahap pendidikan serta tekanan kerja tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan *self-esteem*.

ABSTRACT

THE RELATIONSHIP BETWEEN JOB STRESS AND SELF-ESTEEM AMONG MARRIED WORKERS IN GOVERNMENT ORGANIZATION: A STUDY AT RTM, KUCHING SARAWAK.

Rafidah binti Suhaili

The purpose of this research is to study the relation between job stress and self-esteem among married workers in RTM, Kuching Sarawak. This study finds out the correlation between responsibility and workload and also correlation between demographic factor such as gender, age and education level with self-esteem. This study included 54 married workers. There are two instruments had been used in this study. First is the Occupational Stress Inventory Revised Edition (OSI-R) which are used to measure the job stress and the second is Rosenberg Self-Esteem Scale (RSE) which is used to measure the self-esteem. A descriptive statistic method was used to get the frequency and percentage for the demographic factors while Pearson correlation and Spearman correlation was used to test the hypothesis of this research. Results had shown that the gender, age, education level and job stress had no significant correlation with self-esteem.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bab ini akan membicarakan mengenai topik yang hendak dikaji. Antara perkara yang akan dibincangkan adalah mengenai latar belakang kajian, kenyataan masalah, objektif, kerangka konseptual, kepentingan kajian, definisi istilah serta limitasi kajian.

1.1 Latarbelakang Kajian

Dalam kehidupan ini, manusia seringkali menghadapi pelbagai bentuk masalah, samaada di rumah, tempat kerja, tempat awam dan sebagainya. Masalah ini pada amnya dikenali sebagai tekanan hidup. Pada kebanyakan masa, tekanan hidup ini boleh diselesaikan dengan mudah dan tidak memerlukan perhatian yang khusus tetapi apabila sudah sampai pada satu tahap yang kritikal tekanan ini akan membawa kepada kemudaratan kepada diri sendiri dan orang lain. Tekanan juga telah dikenal pasti sebagai punca kepada hampir semua masalah dan seseorang yang menghadapi tekanan biasanya akan mengalami kemurungan, kesedihan, kerunsingan dan beberapa masalah psikosomatik (Mahmood Nazar, 1990).

Menurut Hobfoll (1998), tekanan merupakan salah satu konsep yang diperlukan untuk mengkaji tentang psikologi, sosiologi, dan psikiatri. Selain itu, tekanan juga bukan sekadar mempengaruhi pemikiran psikologi, tetapi juga boleh dibentuk oleh pemikiran psikologi. Tekanan juga boleh mempengaruhi keadaan fizikal, emosi, dan mental (Pines dan Aronson, 1988). Sekiranya tekanan ini berlarutan disebabkan oleh tuntutan terhadap emosi, seseorang yang mengalami tekanan akan mempunyai perasaan seperti putus harapan dan tidak bermaya. Keadaan ini akan membina kepada konsep sendiri dan tingkah laku yang negatif terhadap pekerjaan, orang sekeliling dan terutama sekali terhadap kehidupan individu itu sendiri.

Tekanan juga merupakan satu pengalaman yang menjadi lumrah dalam kehidupan manusia. Setiap manusia tidak dapat lari daripada tekanan yang boleh berpunca daripada peristiwa dalam kehidupan baik dalam bentuk fizikal, sosial dan psikologikal. Kesan tekanan ke atas seseorang individu banyak bergantung

kepada ciri-ciri dan sikap individu itu bagaimana untuk mengatasinya (Mohd Razali dan Abang Mat Ali, 2006).

Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa tekanan hidup juga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan konsep diri seseorang. Tekanan hidup dapat memberi manfaat kepada individu yang mengalami tekanan. Sekiranya seseorang mengalami tekanan, dia akan berusaha untuk mencapai kehidupan yang lebih baik dan selesa. Dia akan membentuk konsep diri yang positif dan bersedia untuk berubah serta berani menyalut cabaran. Bagaimanapun, tekanan hidup yang melampau akan memberikan kesan yang buruk terhadap individu. Konsep diri negatif akan terbentuk sekiranya seseorang mengalami tekanan yang melampau dan mudah untuk berputus asa. Sekiranya dibiarkan berterusan, individu tersebut boleh hilang hala tuju dalam hidup dan mungkin akan terjerumus dalam kesesatan.

Bagi motivasi pula, iaitu *self-esteem* memainkan peranan yang penting dalam menentukan bagaimana seseorang individu memberikan pandangan terhadap dirinya sendiri. Pandangan yang diberikan boleh jadi positif ataupun negatif. Fokus utama yang biasanya diberikan adalah terhadap identifikasi dan ukuran kehendak atau keperluan. Apabila dua orang individu memiliki keinginan yang sama seperti keinginan untuk berjaya, terdapat perbezaan dari segi kadar tenaga yang dicurahkan untuk mencapai keinginan tersebut terutamanya dalam bidang pekerjaan (Franken, 2007).

Kajian ini berlatarbelakangkan satu kajian untuk mengkaji hubungan antara tekanan kerja dengan *self-esteem*. Dalam kajian ini, satu inventori mengenai tekanan kerja dan *self-esteem* akan digunakan bagi menilai hubungan di antara

kedua-dua perkara tersebut. Kajian ini akan dijalankan terhadap pekerja-pekerja di RTM Kuching, Sarawak.

1.2 Pernyataan Masalah

Sebelum sesuatu kajian itu dijalankan, terdapat beberapa pernyataan masalah yang hendak dikemukakan. Kajian sebelum ini adalah mengenai hubungan tekanan kerja sahaja tetapi tidak mengaitkannya dengan *self-esteem*. Contohnya adalah kajian yang telah dibuat oleh Jenkins dan Elliot (2004). Kajian ini mengkaji tentang tekanan kerja yang telah dijalankan ke atas jurururawat yang berkhidmat di empat buah hospital di London dan di selatan-timur England yang bertajuk *Stressors, burnout and social support: nurses in acute mental health settings*. Jumlah responden yang terlibat adalah seramai 93 orang.

Kajian lain mengenai tekanan kerja adalah kajian yang telah di buat oleh Wei Qing Chen, Wai Wong, Tak Sun Yu, Yan Zu Lin, dan Cooper (2003) yang bertujuan untuk menentukan pandangan tekanan kerja di kalangan pekerja cina yang bekerja dalam industri minyak yang bertempat di China Selatan. Jumlah sampel yang terlibat adalah seramai 561 orang.

Selain itu, kajian yang telah dibuat oleh Deniz (2006) ada menyentuh tentang tekanan dan *self-esteem*. Bagaimanapun, kajian yang dilakukan itu tidak spesifik kepada tekanan kerja sahaja. Kajian yang dijalankan juga adalah khusus untuk pelajar universiti dan bukan kepada individu yang sudah bekerja. Tajuk kajian yang dijalankan adalah *Relationship among coping with stress, life satisfaction, decision-making styles and decision self-esteem*. Kajian ini dilakukan terhadap 492 orang pelajar di Universiti Selcuk Konya, Turki.

Kajian yang dijalankan oleh Caruthers (1998) juga adalah mengenai *self-esteem* dan tekanan sahaja. Kajian tersebut bertajuk *Stress and Self-esteem* dan sampelnya adalah terdiri daripada 15 orang pelajar kolej.

Begitu juga dengan kajian yang hanya mengkaji tentang *self-esteem* sahaja dan tidak mengaitkannya dengan tekanan kerja. Contohnya adalah kajian yang telah dibuat oleh Lawing (2006) yang telah mengkaji tentang perkaitan antara *self-esteem* dengan penggunaan alkohol.

Di samping itu, kajian Okorama dan Okah (2007) ada menyentuh mengenai bebanan kerja tetapi tiada mengkaji tentang *self-esteem*. Tajuk kajian tersebut adalah pentadbiran tekanan dan implikasinya terhadap pengetua di sekolah menengah. Kajian tersebut telah dijalankan ke atas 340 orang pengetua di sekolah menengah kerajaan dan swasta di Rivers States Nigeria.

Dalam kajian ini kedua-dua komponen ini akan dikaji iaitu mengenai tekanan kerja dengan *self-esteem* dan sampel kajian hanya terdiri daripada pekerja yang sudah berkahwin sahaja.

1.3 Objektif Kajian

Dalam kajian yang dijalankan ini, terdapat dua objektif yang hendak dicapai iaitu terdiri daripada objektif umum dan objektif khusus.

1.3.1 Objektif umum

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji perhubungan antara tekanan kerja dengan *self-esteem* di kalangan pekerja di RTM, Kuching yang sudah berkahwin.

1.3.2 Objektif khusus

Secara spesifik kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengkaji hubungan antara faktor demografi jantina dengan *self-esteem* di kalangan pekerja di RTM, Kuching yang sudah berkahwin.
2. Mengkaji hubungan antara faktor demografi umur dengan *self-esteem* di kalangan pekerja di RTM, Kuching yang sudah berkahwin.
3. Mengkaji hubungan antara faktor demografi tahap pendidikan dengan *self-esteem* di kalangan pekerja di RTM, Kuching yang sudah berkahwin.
4. Mengkaji hubungan antara tekanan kerja dari segi tanggungjawab dengan *self-esteem* di kalangan pekerja di RTM, Kuching yang sudah berkahwin.
5. Mengkaji hubungan antara tekanan kerja dari segi bebanan kerja dengan *self-esteem* di kalangan pekerja di RTM, Kuching yang sudah berkahwin.


1.4 Hipotesis Kajian

- H₀1 Tiada perhubungan yang signifikan antara tekanan kerja dengan *self-esteem* di kalangan pekerja di RTM, Kuching yang sudah berkahwin.
- H₀2 Tiada perhubungan yang signifikan antara faktor demografi jantina dengan *self-esteem* di kalangan pekerja di RTM, Kuching yang sudah berkahwin.
- H₀3 Tiada perhubungan yang signifikan antara faktor demografi umur dengan *self-esteem* di kalangan pekerja di RTM, Kuching yang sudah berkahwin.
- H₀4 Tiada perhubungan yang signifikan antara faktor demografi tahap pendidikan dengan *self-esteem* di kalangan pekerja di RTM, Kuching yang sudah berkahwin.
- H₀5 Tiada perhubungan yang signifikan antara tekanan kerja dari segi tanggungjawab dengan *self-esteem* di kalangan pekerja di RTM, Kuching yang sudah berkahwin.
- H₀6 Tiada perhubungan yang signifikan antara tekanan kerja dari segi bebanan kerja dengan *self-esteem* di kalangan pekerja di RTM, Kuching yang sudah berkahwin.

1.5 Kerangka Konseptual

Dalam kajian ini, merujuk kepada rajah 1, jantina, umur, dan tahap pendidikan merupakan pembolehubah yang tidak bersandar dan merupakan ciri-ciri demografi yang ingin dikaji. Faktor tekanan kerja juga merupakan pembolehubah tidak bersandar yang merupakan salah satu aspek yang ingin dikaji. Bagi pembolehubah bersandar pula, adalah apa yang ingin dicapai oleh penyelidik iaitu tahap *self-esteem* yang dialami. Perkaitan di antara pembolehubah bersandar dan tidak bersandar diharap dapat membantu memenuhi kehendak kajian yang dijalankan.

Rajah 1: Kerangka konseptual berkaitan di antara ciri-ciri demografi dan tekanan kerja dengan *self-esteem*.



1.6 Definisi Istilah

Definisi istilah merupakan perkara yang penting sebagai panduan keseluruhan kajian ini. Definisi istilah ini menerangkan maksud setiap konsep yang digunakan dalam kajian dan terbahagi kepada dua iaitu definisi konseptual dan operasional.

1.6.1 *Self-esteem*

Konseptual

Penilaian tentang konsep sendiri (*self-concept*), iaitu sejauh mana tahap keyakinan seseorang individu itu terhadap dirinya sendiri.

(Banyard dan Grayson, 2000).

Operasional

Self-esteem adalah ukuran semangat yang terdapat dalam diri pekerja-pekerja samaada pada tahap yang tinggi atau rendah.

1.6.2 Tekanan kerja

Konseptual

Menurut Mahmood Nazar (1990), tekanan kerja adalah tekanan hidup atau tekanan jiwa yang di alami semasa melakukan kerja-kerja yang diberi.

Operasional

Gangguan emosi yang tidak terkawal yang memberikan kesan dalam diri pekerja yang melibatkan tanggungjawab dan bebanan kerja yang ditanggung.

1.6.3 Tanggungjawab

Konseptual

Samuel, (1998 dalam Rosfariza 2006) mentakrifkan tanggungjawab sebagai keadaan perasaan individu itu apabila berhadapan dengan tanggungjawab yang besar terhadap persembahan kerjanya dan kebajikan orang lain.

Operasional

Suatu keadaan bagaimana seseorang pekerja itu menilai tanggungjawab mereka terhadap tugas kerja yang diberikan serta komitmen mereka sebagai seorang suami atau isteri serta sebagai seorang ibu atau ayah.

1.6.4 Bebanan kerja

Konseptual

Mupinga & Maughan (2008), mentakrifkan bebanan kerja sebagai jumlah masa yang diluahkan untuk mengajar, melakukan kajian, serta memberikan perkhidmatan.

Operasional

Suatu keadaan di mana seseorang pekerja itu perlu menyelesaikan sesuatu tugas yang diberikan walaupun tugas tersebut telah melebihi tahap kemampuan serta masa yang diberikan adalah agak terhad.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberikan beberapa kepentingan kepada banyak pihak terutamanya kepada individu yang dikaji, organisasi, individu yang terlibat dalam bidang kaunseling, serta kepada pengkaji yang akan datang.

Selain itu, kajian ini juga penting untuk menjelaskan kepada orang ramai mengenai ciri-ciri yang boleh membawa kepada tekanan hidup serta menurunkan tahap *self-esteem* seseorang. Hasil kajian ini juga dapat membantu pekerja-pekerja di RTM, Kuching mengetahui tentang pengaruh tekanan kerja terhadap *self-esteem* mereka. Sekiranya mereka mempunyai tahap *self-esteem* yang rendah, mereka boleh memikirkan cara untuk mengatasi masalah tersebut agar kerjaya mereka tidak terjejas.

Bagi pasangan bekerja yang hendak mendirikan rumahtangga, mereka akan diberikan pendedahan awal mengenai tekanan yang bakal dihadapi oleh mereka serta membuat persediaan bagi mengelakkan berlakunya tekanan. Dapatan kajian ini juga boleh dijadikan sumber kepada pihak pengurusan RTM, Kuching tentang kepentingan kaunseling terhadap pekerja bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan yang diberikan di samping mengekalkan keharmonian rumahtangga.

Kepada pengamal dalam bidang kaunseling pula, kajian ini dapat membantu mereka mengenalpasti masalah klien dengan lebih mendalam terutamanya kepada klien yang mengalami masalah dengan tahap *self-esteem* akibat daripada tekanan yang dialami semasa bekerja. Oleh itu, kaunselor dapat menggunakan teknik dan kemahiran kaunseling yang sesuai untuk membantu klien menyelesaikan masalah.

Dengan ini, proses kaunseling yang dibuat dapat dijalankan dengan lancar dan mutu perkhidmatan yang diberikan dapat dipertingkatkan.

Di samping itu, hasil kajian ini juga dapat membantu pengkaji akan datang membuat rujukan tentang kajian *self-esteem* dan tekanan kerja yang hendak dijalankan serta membuat perbandingan dengan hasil dapatan kajian yang diperolehi.

Sebagai kesimpulannya, kajian yang dijalankan ini memberikan kepentingan kepada semua pihak dalam membantu mereka untuk mengenalpasti hubungan tekanan kerja dengan *self-esteem*.

1.8 Limitasi Kajian

Dalam kajian ini terdapat beberapa limitasi mengenai kajian yang hendak dijalankan. Di antaranya adalah dari segi kaedah kajian, tempat, jumlah sampel, instrumen yang digunakan, dan faktor tekanan yang dikaji.

Kajian yang dijalankan ini hanya menggunakan kaedah kuantitatif sahaja dan bukan kualitatif ataupun kedua-duanya. Selain itu, tempat kajian ini dijalankan adalah terhad kepada pekerja di RTM, Kuching sahaja dan tidak meliputi seluruh RTM di kawasan Sarawak dan ianya merupakan sebuah organisasi kerajaan. Jumlah sampel yang terlibat juga hanya seramai 54 orang pekerja yang sudah berkahwin sahaja.

Di samping itu, kajian yang dijalankan hanya menggunakan borang soal selidik *Occupational Stress Inventory Revised Edition (OSI-R)* dan *Rosenberg Self-*